

agama

kemusykilan ramadan

Pengisian malam raya

APAKAH yang harus dilakukan pada malam hari raya?

JAWAPAN

Disunatkan menghidupkan malam dua hari raya iaitu Hari Raya Fitrah dan Hari Raya Korban dengan beribadah sama ada mengerjakan solat-solat sunat, membaca al-Quran, berzikir dan sebagainya. Hal ini kerana terdapat hadis di mana Nabi SAW bersabda: *Sesiapa bangun menghidupkan malam dua hari raya kerana mengharap pahalanya dari Allah SWT, nescaya tidak akan mati hatinya pada hari matinya hati-hati yang lain.* (riwayat Imam Syafie dan Ibnu Majah)

Sesungguhnya, yang dimaksudkan mati hati adalah terbelenggu hati dengan dunia. Ada yang berpendapat maksudnya adalah menjadi kafir dan ada juga yang memberi erti, ketakutan Hari Kiamat.

Selain itu, digalakkan juga memperbanyakkan doa pada malam hari raya kerana doa pada malam tersebut adalah mustajab.

Imam asy-Syafie berkata dalam kitabnya *al-Um*, "Telah sampai kepada kami bahawa dikatakan, 'Sesungguhnya terdapat lima malam dimustajabkan doa iaitu pada malam Jumaat, malam Hari Raya Korban, malam Hari Raya Fitrah, malam pertama bulan Rejab dan malam Nisfu Syaaban."

Siapa perlu bertakbir

SIAPAKAH yang disunatkan bertakbir?

JAWAPAN

Melaungkan takbir pada hari raya disunatkan untuk lelaki dan perempuan, kanak-kanak yang *mumayyiz* dan orang dewasa, orang dalam negeri atau sedang bermusafir, termasuklah wanita-wanita yang haid atau lelaki-lelaki yang berjunub berdalilkan hadis yang bermaksud: *Kami (para wanita pada zaman Nabi SAW) diperintahkan supaya keluar pada hari raya ke tempat solat sehingga kami mengeluarkan anak gadis daripada tabir atau tirainya (iaitu kami mengeluarkan anak gadis dari biliknya untuk membawa mereka bersama-sama ke tempat solat) dan sehingga perempuan-perempuan yang kedatangan haid juga turut sama keluar di mana mereka duduk di belakang orang ramai; bertakbir bersama dengan takbir mereka dan berdoa bersama dengan doa-doa mereka serta mengharap keberkatan hari tersebut dan kesuciannya.* (riwayat al-Bukhari)

PETIKAN daripada A-Z Soal Jawab Puasa, Solat Tarawih, Zakat Fitrah dan Hari Raya terbitan Telaga Biru Sdn. Bhd.

Ganjaran puasa milik Allah

Objektif Ramadan ialah membentuk generasi bertakwa

ADAKAH 'falsafah puasa' ini membentuk jiwa kasihan belas, khususnya kepada para fakir dan miskin? Jiwa ini hasil daripada tarbiah Ramadan yang menegah umat Islam daripada makan dan minum di siang harinya.

Melalui tarbiah ini ia menatijahkan rasa sulit dan sengsaranya orang-orang fakir dan miskin melalui kehidupan mereka tanpa keperluan asas utama iaitu makanan. Oleh sebab itu, mereka akan banyak melakukan kerja-kerja kebajikan membantu golongan fakir miskin, khususnya memberi sumbangan kewangan dan makanan bagi menjamin kelangsungan hidup golongan tersebut.

Mereka akan lebih banyak bersedekah berbanding membelanjakan kepada perkara-perkara yang tidak berfaedah. Sekiranya ini sahaja falsafah puasa, Ramadan tidak cukup untuk menjadi sebuah sekolah mendidik ummah yang objektifnya melahirkan ummah bertamadun.

Ini kerana orang yang berpuasa dalam erti kata menahan diri daripada makan dan minum memang boleh merasai keperluan lapar dan dahaga. Namun perlu diingati, dalam masa yang sama mereka mempunyai kelengkapan, kecukupan dan kemampuan makan dan minum yang boleh dinikmati pada bila-bila masa sahaja.

Jika tidak boleh secara terang-terangan, mereka boleh melakukan secara sembunyi. Tiada yang akan menyangka atau mengetahui, sama ada mereka berpuasa atau tidak. Kerana mereka berada pada bulan yang semua orang Muslim berpuasa pada adatnya.

Ia tidak seperti solat yang boleh diketahui buat atau tidaknya dengan melihat perbuatan tersebut, kerana ia

ihya' ramadan

Oleh MOHD. AIZUDDIN ABD. AZIZ
Pensyarah Pusat Pengajian Teras,
Universiti Sains Islam Malaysia

suatu yang bersifat zahir. Namun puasa tidak begitu, hubungan puasanya antara dia dengan Allah SWT sahaja.

Ia sebagaimana sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: *Sesungguhnya puasa itu bagi-Ku dan Aku yang akan mengajarnya.* (riwayat Bukhari)

Betapa tingginya nilai puasa tersebut sehinggakan ganjaran berkenaannya dirahsiakan oleh Allah SWT daripada pengetahuan makhluk-Nya. Jika kehebatan puasa ini begitu agung nescaya ia mempunyai falsafah yang lebih tinggi demi membina generasi bermutu tinggi.

Maka, tiadalah falsafah yang lebih tinggi daripada puasa ini melainkan "falsafah ketakwaan." Dengannya membentuk sifat ketakwaan dan nilai ketakwaan itulah pemacu kepada segala kemuncak kebaikan, kemajuan, ketamadunan dan kemodenan ummah.

Ini seperti diungkapkan oleh ketakwaan kepada Allah SWT itu punca kepada segala kebahagiaan dan mengikutkan hawa nafsu itu segala punca kejahatan.

TUNTUTAN ILAHI

Kenapa takwa? Kerana makna takwa itu adalah mengerjakan tuntutan ilahi dan menjauhi larangan-Nya. Mereka

yang mencapai tahap ini, tidak perlukan lagi merasai perasaan lapar untuk membuatkan mereka bersedekah. Namun, cukup dengan memahami perintah Allah SWT agar menghulurkan bantuan kepada golongan yang tidak berkemampuan, khususnya mereka pasti melakukan tanpa perlu merasai peritnya susah.

Objektif Ramadan membentuk generasi bertakwa dengan jelasnya disebutkan oleh Allah SWT, "Wahai orang-orang yang beriman, telah difardukan ke atas kamu puasa seperti mana difardukan kepada umat sebelum kamu, supaya kamu bertakwa."

Maka, segala falsafah puasa baik falsafah keimanan, falsafah jiwa, falsafah kesihatan dan sebagainya akan tercapai dengan ketakwaan. Iman tidak boleh meningkat tanpa *ubudiyah* dan *ubudiyah* juga tidak boleh berlaku tanpa ketakwaan. Seorang yang bertakwa akan mengerjakan ibadah seperti yang diperintahkan oleh Allah SWT dan rasul-Nya SAW.

Seorang yang bertakwa tidak menantikan saat kesulitan untuk sama-sama merasa perit. Namun, orang bertakwa akan sentiasa aktif kepada melakukan kebaikan.

Orang bertakwa juga tidak menantikan hikmah-hikmah kesihatan hasil puasa, kerana mereka telah dididik perihal makannya seperti yang diajarkan oleh Rasulullah SAW. Bukan pembuktian kesihatan menjadi pedoman mereka, tetapi cukup mengambil pedoman sunnah Nabi SAW.

Maka apabila mereka berpuasa mengikut tatacara atau aturan yang sempurna seperti yang telah diputuskan oleh syarak, *insya-Allah* mereka bakal beroleh sifat ketakwaan tersebut.

Natijahnya, setelah berlalunya Ramadan mereka sentiasa bersama Allah SWT dalam apa jua keadaan. Bagi mencapai matlamat ini, perlulah kita merenungi di mana tahap puasa kita sebagaimana pembahagian yang dibahagikan oleh Imam Ghazali:

● **Puasa orang awam** - Sekadar menahan diri daripada perkara-perkara yang membatalkan puasa. (Golongan ini belum terlepas daripada hilangnya pahala puasa, kerana mereka masih melakukan maksiat seperti mengumpat dan sebagainya)

● **Puasa orang soleh** - Mereka berpuasa seperti golongan di atas, namun mereka juga menjaga mata, telinga, lidah daripada perkara yang sia-sia.

● **Puasa para nabi dan kekasih Allah** - Mereka seperti golongan kedua, tetapi mereka lebih lagi sehingga lintasan hati mereka pun dijaga daripada perkara selain Allah SWT.

RAMADAN tidak sekadar mendidik umatnya tetapi ia mempunyai falsafah yang lebih tinggi demi membina generasi bermutu tinggi. - GAMBAR HIASAN

